


| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date | 11 /1/2011 |

Luahan Dr. Mahathir dalam entri terbaru blognya

Gagal bangunkan Kampung Baru



Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD
penarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 10 Jan - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) mengakui, antara keagalannya semasa memegang jawatan Perdana Menteri ialah memulih dan membangunkan Kampung Baru.

Katanya, meskipun kawasan itu telah diumumkan untuk dibangunkan ketika beliau menerajui kerajaan namun timbul beberapa masalah terutama berkaitan dengan soal pemilikan dan harga tanah.

Dalam soal pemilikan tanah, ujarnya, ramai di kalangan penduduk

Kampung Baru yang asal telah berpindah ke tempat lain kerana penempatan di kampung berkenaan tidak lagi selesa setelah berlaku kemajuan di kawasan sekeliling.

"Pada masa sama ramai juga di kalangan tuan tanah telah meninggal dunia dan siapa pewaris mereka sukar dikesan.

"Tuntutan harga oleh tuan tanah juga terlalu tinggi dan ini menyebabkan kos pembangunan melambung tinggi. Dengan ini orang Melayu tidak mungkin dapat membeli kedai atau ruang untuk kediaman apabila projek itu siap dibina," katanya.

Beliau berkata demikian dalam entri terbaru blognya yang bertajuk, Kam-

pung Baru, Kuala Lumpur di <http://chedet.co.cc/chedetblog/hari ini>.

Dr. Mahathir berkata, jika situasi itu berlaku, mungkin hanya orang bukan Melayu sahaja yang mampu memiliki hartanah di Kampung Baru.

"Sekiranya harta yang dibangunkan dijual kepada bukan Melayu maka akan hilanglah Kampung Baru sebagai kawasan Melayu di ibu kota," ujarnya.

Mengulas isu sama, beliau berkata, kerajaan pada masa pemerintahannya juga telah mengenakan syarat kepada pemaju supaya penduduk Kampung Baru terus berada di kawasan itu.

Syaratnya, jelas beliau, setiap penduduk Kampung Baru bukan sahaja dibayar harga tanah tetapi mereka

akan diberi tempat perniagaan serta kediaman di bangunan yang akan didirikan itu.

"Syarat ini boleh menjamin orang Melayu yang sekarang berada di situ akan terus berada di Kampung Baru. Mereka tidak akan terusir keluar. Tetapi sekali lagi syarat ini akan menaikkan kos pembangunan.

"Pemaju Melayu mungkin tidak berminat. Bukan Melayu juga mungkin tidak berminat kerana kemampuan Melayu membeli amat rendah," katanya lagi.

Sedangkan, tambah Dr. Mahathir, pada masa ini masih banyak terdapat premis'kediaman dan kedai yang diperuntukkan} kepada orang Melayu

tidak dapat dibeli oleh mereka.

"Oleh sebab ini pembangunan Kampung Baru gagal dilaksanakan semasa saya menjadi Perdana Menteri," katanya.

Bagaimanapun, menurutnya, beliau tetap berdoa supaya kerajaan sekarang akan berjaya membangunkan semula Kampung Baru supaya pelawat ke Kuala Lumpur tidak akan lihat kedai orang Melayu di negara mereka sendiri.

"Di tengah-tengah ibu kota yang penuh dengan bangunan pencakar langit, yang moden dan mewah terdapat kampung setinggan Melayu dengan rumah kayu berbumbung zink karat," ujarnya.